

PM: Pihak membantah penentang perpaduan

UM — 5 DEC 2000

KUALA LUMPUR 4 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat pihak yang membantah cadangan pelaksanaan Sekolah Wawasan sebenarnya menentang proses menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, mereka bukan mempertahankan bahasa dan pelajaran sekolah Cina kerana kerajaan telah pun memberi jaminan mengenai kedua-dua perkara itu.

Malah katanya, kerajaan juga telah meminda Akta Pendidikan bagi menarik balik hak menteri menukar status sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan.

"Ini telah kita lakukan atas desakan puak ini juga dan kita percaya setelah menarik

hak itu tidak akan timbul masalah lagi. Tetapi puak ekstremis pendidikan Cina ini sengaja membangkitkan isu supaya dapat menghalang perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

"Mereka seolah-olah tidak mengakui menjadi rakyat Malaysia dan perlu berdamping dengan rakyat negara ini daripada keturunan lain," katanya kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan Internet Arcnet NTT MSC Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditanya permintaan Pengerusi MCA Kedah, Datuk Chua Jui Meng supaya kerajaan membincangkan semula konsep Sekolah Wawasan secara menda-

lam dan berusaha memahami serta menilai perasaan masyarakat Cina mengenainya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah menimbang permintaan masyarakat Cina dan akan meneliti serta mengkaji bantahan mereka.

Bagaimanapun, beliau sekali lagi menjelaskan konsep Sekolah Wawasan adalah untuk perpaduan rakyat dan tidak ada kena mengena dengan bahasa dan sekolah Cina.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan hanya mahu rakyat pelbagai kaum hidup bersama sejak di peringkat sekolah rendah agar mereka dapat menjalin hubungan yang baik dan hidup harmoni.

Oleh yang demikian, Perdana Menteri menegaskan

kerajaan tidak akan membantah rancangan melaksanakan Sekolah Wawasan kerana berpendapat ia tidak menghalang perkembangan sekolah-sekolah Cina.

"Sama juga kita tidak membatalkan rancangan meletakkan penuntut universiti daripada pelbagai kaum tinggal bersama. Itu juga satu daripada proses integrasi," katanya.

Menurut beliau, puak yang menentang cadangan Sekolah Wawasan mahu sekolah Cina diasingkan daripada sekolah-sekolah lain sehingga menjadi sekolah asing di negara ini.

"Sekolah Cina di Malaysia adalah sekolah Malaysia, biarpun guna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar.

"Percubaan untuk meng-

asingkan orang Cina daripada kaum-kaum lain tentu menghalang perpaduan di kalangan rakyat negara ini," katanya.

Disebabkan itu, kata Dr. Mahathir, beliau membuat teguran kepada puak ekstremis terbabit.

"Teguran ditujukan kepada kumpulan yang kecil ini yang bilangan mereka tidak begitu ramai tetapi cara mereka bertindak seolah-olah hendak mengugut kerajaan," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, beliau akan menegur puak ekstremis di negara ini tanpa mengira sama ada mereka daripada kaum Melayu, Cina atau India.

"Tidak ada tempat bagi ekstremis di negara ini," tegasnya.